

PERPUSTAKAAN


UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM): Menjana Hikmah dalam Mencapai Visi dan Misi Universiti

Perpustakaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong program akademik, penyelidikan, penghasilan ilmiah dan pembudayaan ilmu bagi seluruh warga kampus. Menurut En. Bharun Narosid bin Mat Zin, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTHM, sehingga Mac 2008, gedung ilmu ini telah membangunkan koleksi dalam pelbagai format termasuk 130,000 naskah buku atau monograf, 4,000 tesis, 13,500 judul jurnal elektronik, 39,000 judul buku elektronik dan 12,000 unit bahan audio-visual.

Beliau menambah, bagi memastikan jaminan kualiti yang berterusan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih mesra dan memenuhi kehendak pengguna, pihak perpustakaan telah mengautomasikan seluruh operasi pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan bermula pada tahun 1997. Pengiktirafan MS ISO 9001:2000 yang telah diperolehi oleh perpustakaan khususnya bermula dari 28 Disember 2001 mengukuhkan lagi kemantapan sistem yang ada. Selaras dengan misi universiti untuk menjadi universiti bertaraf dunia



Bangunan baru Perpustakaan UTHM dijangka siap akhir 2009



En. Bharun Narosid

menjelang 2013, pihak perpustakaan berusaha mengukuhkan perkongsian maklumat antara perpustakaan dalam dan luar negara melalui perkhidmatan perkongsian bestari antara perpustakaan. Dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan ini, perkongsian bestari dengan British Library, United Kingdom mula ditawarkan pada tahun 2006. Selain itu, program-program pembangunan kompetensi staf termasuk kursus, latihan dalaman dan profesional turut diperbanyakkan untuk menangani keperluan perkhidmatan

dan perkembangan dunia maklumat semasa.

Beliau turut menegaskan bahawa perpustakaan juga berperanan sebagai pusat penyebaran maklumat kepada komuniti luar kampus. Ini adalah langkah untuk memasyarakatkan perpustakaan dengan penduduk setempat melalui pembudayaan ilmu. Program pendidikan pengguna seperti Kelas Kemahiran Maklumat, pameran, program promosi, Program Hari Bertemu Pelanggan serta Program Karnival Ilmu dilaksanakan

secara berkala dan berterusan bagi memastikan capaian maklumat secara maksimum oleh komuniti dalam dan luar kampus.

Apabila disentuh mengenai perancangan masa depan Perpustakaan UTHM, beliau memaklumkan bahawa disamping ruang Perpustakaan Cawangan Kampus Bandar akan ditambah dan dijangka siap pada Julai 2008 ini, pusat ilmu ini akan melangkah ke satu fasa baru apabila bangunan baru yang telah dimulakan pembinaannya pada 4 Julai 2007 yang lalu siap kelak. Bangunan yang berkeluasan lebih kurang 17,400 meter persegi ini, yang dijangka dapat digunakan menjelang 2010, akan dapat menempatkan lebih kurang setengah juta koleksi dan 3,000 pengguna pada satu masa. Dengan adanya ruang baru yang lebih kondusif berserta dengan kemudahan dan fasiliti yang moden dan canggih, Perpustakaan UTHM dijangka mampu menjadi pusat yang mantap dalam menjana hikmah untuk bersama-sama mendukung pencapaian visi dan misi Universiti.